

NO SOALAN :94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR MICHAEL TEO YU KENG  
(MIRI)****PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan cukai barang dan perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan dari Negeri Sarawak sejak GST dilaksanakan dari 1 April 2015 sehingga 1 Januari 2017 .

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing adalah sebanyak RM27.012 bilion dan RM41.206 bilion. Manakala bagi tahun 2017, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM19.311 bilion. Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan dan dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran

perniagaan atau pendaftaran perlesenan dibuat dan lokasi perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak menggambarkan bahawa kutipan tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan. Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pentadbiran aktiviti pengutipan GST yang dibuat mengikut lokasi pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri.